

16/09/1998

Anwar tidak jawab tuduhan salah laku

KUALA LUMPUR, Selasa - Pelbagai lapisan pemimpin hari ini mempersoalkan matlamat Datuk Seri Anwar Ibrahim melaungkan gerakan reformasi tetapi tidak menjawab segala tuduhan yang mengaitkannya dengan soal moral.

Mereka menganggap selagi Anwar tidak berusaha membersihkan namanya, kewibawaan beliau akan terjejas dan masyarakat tidak lagi terpedaya dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkannya kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahli veteran Umno, Datuk Dr Rais Yatim, berkata Anwar sepatutnya memberi tumpuan kepada isu pokok iaitu membersihkan diri daripada semua tuduhan terhadapnya sebelum menyuarkan rasa tidak puas hati terhadap tindakan kerajaan.

"Selagi tindakan membersihkan nama tidak diambil, kewibawaan Anwar akan tergantung dan lambat-laun masyarakat akan tahu bahawa dakwaan terhadap siasah dirinya tidak terjawab oleh beliau," katanya, hari ini.

Sejak dipecat daripada Kabinet dan Umno 3 September lalu, Anwar walaupun menafikan segala tuduhan terhadapnya, lebih cenderung melaungkan soal reformasi dalam ceramahnya.

Dr Rais yang juga bekas Menteri Penerangan berkata, Anwar wajar membersihkan diri melalui proses undang-undang kerana tindakan lain oleh beliau hanya memburukkan keadaan.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Senator Datuk Ibrahim Ali, berkata gerakan reformasi Anwar tidak mencerminkan usaha membersihkan dirinya daripada semua tuduhan.

Menurutnya, berdasarkan perkembangan sejak kebelakangan ini, usaha Anwar itu tidak lebih helah untuk memesongkan perhatian orang ramai dan penyokongnya daripada soal pokok.

"Saya ingin mengulangi bahawa Anwar seharusnya mencari jalan membersihkan imejnya yang tercemar daripada melaung-laungkan reformasi.

"Saya yakin rakyat termasuk orang ramai menunggu beliau membersihkan imej ini," katanya.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata Anwar sudah diberi banyak peluang untuk membetulkan apa yang didakwanya kepincangan dalam kerajaan ketika menjadi anggota Kabinet.

"Anwar sudah diberi peluang. Beliau dahulu Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno.

"Saya tak tahulah. Pada saya, reformasi apa? Sepatutnya reformasi ini dibuat ketika beliau masih berkuasa.

"Kalau dia sedar adanya kesilapan, 16 tahun dululah masanya untuk dia baiki.

"Mengapa sudah keluar baru tahu" katanya.

Ditanya apakah lebih wajar Anwar membersihkan dahulu dirinya daripada tuduhan moral, Sabbaruddin berkata: "Itu orang ramailah yang menilai, baik atau tidak baik. Tidak munasabah bagi saya untuk nasihatkan Anwar."

Di JELI, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menasihatkan Anwar membersihkan diri daripada sebarang isu berkaitan peribadinya dahulu supaya rakyat betul-betul boleh berdiri di belakang beliau.

"Melalui cara inilah sahaja beliau dapat mencari jalan untuk menyelesaikan masalah dan menangkis sebarang isu yang dihadapi sekarang," katanya berucap pada majlis ceramah politik di Kampung Kuala Balah, dekat sini, malam tadi.

DI GEORGETOWN, Setiausaha Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Azhar

Ibrahim, berkata dakwaan Anwar bahawa beliau memperoleh lebih banyak sokongan sekarang berbanding ketika menyandang jawatan dalam Kabinet, tidak berasas.

Selain itu, katanya, kenyataan Anwar yang menganggap beliau kini sebagai pemimpin rakyat juga boleh dipersoalkan.

"Bagaimana dia (Anwar) mengukur sokongan rakyat terhadapnya sekarang melebihi daripada dahulu.

"Adakah dia mengira setiap orang yang hadir untuk mendengar ceramahnya," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Penerangan Umno Johor, Khaled Nordin, berpendapat gerakan reformasi yang ditonjolkan Anwar di luar Lembah Klang tidak mencerminkan Anwar sebagai pemimpin rakyat.

Sebaliknya, kata beliau, kempen Anwar bagi memperjelaskan isu itu menimbulkan prasangka di kalangan rakyat yang masih belum memahami perkara itu sepenuhnya.

Di BRUAS, Ahli MT Umno, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata gerakan reformasi yang dilancarkan Anwar mirip kepada tindakan melulu sesetengah badan bukan kerajaan (NGO) luar negara yang berniat jahat.

Menurutnya, tindakan meraih sokongan melalui Perisytiharan Permatang Pauh itu jelas menunjukkan Anwar mahu menutup perlakuan buruknya.

(END)